

AGAMA Islam bermaksud sistem kehidupan yang sejahtera, sesuai dengan ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW daripada ALLAH SWT.



Islam merupakan agama yang bersifat teori dan praktikal serta rohani dan jasmani. Ia meliputi aspek mental, fizikal dan spiritual.

Aspek fizikal iaitu badan, jasmani atau pengamalan berkaitan dengan perlaksanaan Rukun Islam yang lima iaitu perakuan dua kalimah syahadah, perlaksanaan solat, puasa, zakat dan haji.

Adapun, aspek mental berkaitan akal, pemikiran atau kepercayaan pula melibatkan Rukun Iman yang enam iaitu percaya kepada ALLAH SWT, malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari kiamat serta qada dan qadar.

Sementara, aspek spiritual iaitu hati, jiwa atau kerohanian dengan perasaan ihsan iaitu rasa bertuhan sama ada dapat dirasakan 'mushahadah' iaitu perasaan berhadapan dengan ALLAH SWT atau 'muraqabah' iaitu perasaan berada di dalam pengawasan ALLAH SWT. Tiga perkara itu iaitu Islam, iman dan ihsan merupakan asas, tiang atau kerangka kepada agama Islam.

Islam ialah agama yang memberi panduan interaksi antara Khalik dengan makhluk, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam. Agama itu memberi panduan kehidupan bermula daripada bangun tidur sehingga kita kembali menutup mata. Ia adalah sistem yang syumul merangkumi semua aspek kehidupan manusia.

Hasan al-Banna menyatakan dalam usul pertama, Risalah al-Ta'lim: "Islam ialah sistem lengkap yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan. Islam ialah negara, tanahair, pemerintahan dan ummah. Islam adalah akhlak, kekuatan, rahmat dan keadilan. Islam adalah kebudayaan, undang-undang, ilmu dan kehakiman. Islam ialah kebendaan, harta, usaha dan kekayaan. Islam ialah jihad, dakwah, ketenteraan dan pemikiran. Islam ialah kepercayaan yang benar dan ibadah yang saih."



TUNJUKKAN keindahan Islam melalui keperibadian diri dan amalan menurut syariat. -Gambar hiasan.

Amalkan cara hidup Islam sebenar

Perangi kejahilan dengan berpegang teguh kepada agama



SETIAP Muslim perlu bertindak menyebarkan ilmu berkaitan ajaran, fahaman dan pengamalan Islam yang sebenar, sekali gus memperlihatkan Islam itu agama rahmat kepada sekalian alam.
-Gambar hiasan.

Ajaran Islam bersifat adil, sederhana dan pertengahan (wasatiyyah).

Sumber warisan Nabi Muhammad

Firman ALLAH SWT: "Kami jadikan kamu (wahai umat Nabi Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah)." (Surah al-Baqarah, ayat 143)

Sekiranya wujud ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam tetapi bersifat melampau berlebihan (ifra) atau

melampau berkurangan (tafri), maka ia bukan daripada ajaran Islam. Sebagai contoh, ajaran Islam dari sudut akidah Ahli Sunah Wal Jamaah (ASWJ), tidak mudah mengakirkan seorang Muslim kecuali jelas dia melampau had-had yang ditetapkan Islam seperti percaya perkara selain Rukun Iman dan menghalalkan yang haram.

Sikap mudah mengakirkan seorang Muslim mengakibatkan tindakan lanjutan yang keterlaluan, melampau atau ekstrem sehingga individu yang dianggap kafir tersebut boleh dibunuhan dan lain-lain.

Hakikatnya, ajaran Islam sebenar perlu diperoleh daripada sumbernya yang sebenar. Ia dapat dipastikan secara warisan daripada generasi kepada generasi secara berterusan kerana ia bukan sahaja bersifat teori, ajaran atau tekstual tetapi merupakan ajaran, fahaman dan pengamalan.

Ajaran, fahaman dan pengamalan Islam sebenar hanya dapat diperoleh melalui warisan Nabi Muhammad SAW, kemudian para sahabat, tabiin, tabi tabiin dan yang seterusnya. Ajaran Islam sebenar tidak bersifat ifra dan tafri .

Al-Ghazali (m.505H) antara tokoh prolifik besar ASWJ yang banyak menghasilkan tulisan yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Majlis Agama Islam Selangor

mais_officialhq

MAISgovmy

Sebarang perkongsian info boleh die-melkan kepada rencia.sinarharian@gmail.com

Karyanya boleh dijadikan sebagai panduan atau manual dalam kehidupan.

Apa yang pasti, Islam ialah agama rahmat. Bukan sahaja kepada manusia tetapi kepada seluruh makhluk di dunia termasuk alam semesta. Sebagai contoh, syariat Islam bukan sahaja ibadah tetapi turut bertujuan menjaga lima aspek utama dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ibadah atau syariat Islam bertujuan meraih maslahat iaitu perkara berfaedah dan menolak mafsadah iaitu kerosakan, kebinasaan atau kehancuran.

Islamofobia

Namun, apabila Islam tidak diperaktikkan sesuai dengan ajaran, fahaman dan pengamalan yang sebenar, maka ia mengakibatkan salah faham terhadap Islam. Islam akhirnya dianggap ketinggalan, mundur dan tidak memberi impak positif.

Islam yang menganjurkan kedamaian, keselamatan dan kesejahteraan dianggap sesuatu yang menakutkan. Lalu timbul fobia, takut atau bimbang terhadap Islam atau apa yang diistilahkan sebagai Islamofobia.

Islamophobia atau Islamofobia memberi maksud ketakutan yang amat sangat terhadap Islam. Ia merujuk kepada rasa fobia, takut atau bimbang atau terhadap apa sahaja yang berkaitan dengan Islam sama ada penganutnya, ajarannya, budayanya atau lain-lain.

Tuntasnya, Islamofobia merujuk kepada persepsi negatif terhadap Islam dengan rasa ketakutan dan kebimbangan tidak berasas sehingga melahirkan pelbagai bentuk diskriminasi terhadap Islam atau umat Islam.

Beberapa insiden keganasan yang dilakukan minoriti Muslim dilihat menyumbang kepada Islamofobia. Hakikatnya, ajaran, fahaman dan pengamalan ekstrem wujud dalam semua agama tanpa kecuali. Faktor asas yang menyumbang kepada Islamofobia ialah kurang ilmu, pengetahuan dan pendedahan.

Benar pepatah Melayu, tak kenal maka tidak cinta' dan seumpamanya. Sikap prejudis, pengaruh media dan gerakan Islamofobia membuatkan Islam berterusan menjadi mangsa.

Justeru, setiap Muslim perlu bertindak menyebarkan ilmu berkaitan ajaran, fahaman dan pengamalan Islam yang sebenar. Setiap Muslim perlu berpegang teguh dengannya.

Saidina Umar RA mengingatkan: "Sesungguhnya terungkai simpulan (ikatan) Islam satu persatu apabila wujud di dalam Islam inividu yang tidak mengerti (mengenali) jahilah."

Justeru, perangi kejahilan dan laksanakan pesanan Rasulullah SAW sebagaimana riwayat Ibn Majah daripada Abdullah bin Salam RA: "Sebarkan salam, berikan makan, sambungkan silaturahim... nescaya kalian akan masuk syurga dengan sejahtera (aman, makmur, senang dan tenteram)."